

Terdapat sebanyak 25 kertas kerja yang telah dibentangkan semasa seminar berlangsung. Antara pihak penaja yang telah menghulurkan sumbangan penajaan bagi seminar ini adalah daripada SME Bank, Koperasi Universiti Utara Malaysia Berhad (KOOP), Koperasi Usahawan Siswa UUM Berhad (KOSISWA), Pasaraya Pendang Sdn Bhd, Lavender Café, Desiran Utara Enterprise, HBN Utara Enterprise, Syarikat NAA Utara Sdn Bhd dan Ketari Merah Sdn Bhd. Seminar ini turut mengundang seorang tokoh usahawan tempatan berjaya iaitu Tuan Haji Shakri bin A. Razak, Pengarah Urusan Pasaraya Pendang Sdn Bhd. Wakil daripada Kementerian Pengajian Tinggi yang telah turut hadir ialah Dr. Ramli Hassan selaku Timbalan Ketua Setiausaha, Dr. Shahirah Hamidon selaku Ketua Unit Keusahawanan dan Encik Abdul Rahman Mahamud selaku Timbalan Setiausaha, Bahagian Perancangan & Penyelidikan. Yang Berbahagia Prof. Dr. Dahlan Ismail, Timbalan Naib Canselor (P&I), Universiti Utara Malaysia turut hadir di dalam seminar ini. Majlis Perasmian-Penutup seminar telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato` Saifuddin bin Abdullah, Timbalan Menteri, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

=====

DARIPADA:

CO-OPERATIVE AND ENTREPRENEURSHIP DEVELOPMENT INSTITUTE (CEDI)

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL: 04-9285621/5622/5634/5632

FAX: 049285778/5614